



MANUAL PENGGUNA
APLIKASI MICRO CREDENTIAL

2026

ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN	2
2. CAPAIAN PORTAL MICRO CREDENTIAL	2
3. PENDAFTARAN PENGGUNA BAHARU	3
4. LOG MASUK DAN PENGURUSAN KATA LALUAN	5
5. PROSES PERMOHONAN KURSUS BAHARU.....	8
6. PENGURUSAN DASHBOARD DAN STATUS PERMOHONAN.....	12
7. PAUTAN PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN.....	15
8. PENUTUP.....	17

1. PENGENALAN


Dokumen ini merupakan panduan rasmi bagi pemohon memahami keseluruhan proses sistem, bermula daripada capaian portal sehingga ke fasa pembelajaran dan penilaian pencapaian akademik.

2. CAPAIAN PORTAL MICRO CREDENTIAL

Pemohon boleh mengakses sistem melalui pelayar web dengan melayari URL rasmi berikut: **URL Rasmi:** <https://imcitra.uis.edu.my/>

Aplikasi menyediakan komponen-komponen utama bagi memudahkan navigasi pengguna (Rujuk Paparan 1):

- **Log Masuk** : Digunakan untuk mengakses akaun bagi pemohon yang telah berdaftar.
- **carian** : Berfungsi untuk menyemak senarai tawaran kursus yang tersedia dalam sistem.
- **Maklumat Lanjut** : Memaparkan perincian lengkap mengenai kursus yang ditawarkan.
- **Daftar Akaun** : Digunakan oleh pengguna baharu untuk melakukan pendaftaran kali pertama.




Paparan 1 : Halaman Utama Portal

3. PENDAFTARAN PENGGUNA BAHARU.


Bagi individu yang belum mempunyai akaun, sila ikuti langkah-langkah pendaftaran di bawah:

- a) Klik pautan **Daftar Akaun** pada halaman utama portal (Rujuk Paparan 2).
- b) **Pengendalian Ralat** : Sekiranya sistem memaparkan notifikasi "pengguna telah wujud", ini bermakna alamat e-mel telah pun berdaftar dalam sistem (Rujuk Paparan 2.1). Sila gunakan fungsi log masuk atau set semula kata laluan.
- c) Lengkapkan borang maklumat peribadi bagi pengguna baharu dengan maklumat yang sah (Rujuk Paparan 2.2).
- d) Klik butang **Daftar Akaun** untuk menghantar maklumat pendaftaran.


Proses Pengesahan : Sistem akan menghantar notifikasi ke alamat e-mel anda. Anda diwajibkan menyemak e-mel tersebut dan klik pautan **sahkan emel anda** untuk mengaktifkan akaun (Rujuk Paparan 2.3).




Paparan 2 :: Halaman Pendaftaran Baru Pengguna



Paparan 2.1 : Notifikasi pengguna telah wujud

 Borang Pendaftaran Akaun Pengguna


 **Maklumat Peribadi**

No. MyKad Gelaran

-Sila Pilih-

Nama Penuh

Email


 **Tetapan Kata Laluan**

Katalaluan Sahkan Katalaluan

Saya mengaku bahawa semua keterangan yang dinyatakan adalah **BENAR**.

Daftar Akaun

Paparan 2.2 : Paparan Borang Daftar Pengguna Baharu




Paparan 2.3 : Notifikasi e-mel pendaftaran baharu

4. LOG MASUK DAN PENGURUSAN KATA LALUAN

a. Log Masuk Portal

Setelah akaun disahkan, anda boleh mengakses portal dengan klik butang **Log Masuk** pada halaman utama dan memasukkan maklumat yang telah didaftarkan (Rujuk Paparan 3).




Paparan 3 : Daftar Masuk Akaun Pengguna

b. Prosedur Terlupa Kata Laluan


Sekiranya anda gagal mengingati kata laluan, sila ikuti langkah-langkah penetapan semula seperti berikut:

- i. Klik pautan **Lupa kata laluan** pada skrin daftar masuk (Rujuk Paparan 4.0).
- ii. Masukkan alamat e-mel yang telah didaftarkan dan klik butang **hantar** (Rujuk Paparan 4.1).
- iii. **Tindakan pada e-mel** : Semak e-mel notifikasi yang diterima daripada aplikasi dan klik butang **tetapan semula kata laluan** (Rujuk Paparan 4.2).

c. **Penetapan Baru** : Masukkan kata laluan baharu pada skrin yang dipaparkan dan simpan tetapan tersebut (Rujuk Paparan 4.3).




Paparan 4.0: Paparan link lupa kata laluan



Paparan 4.1: Paparan lupa kata laluan




Paparan 4.2: Paparan notifikasi emel lupa kata laluan




Paparan 4.3: Paparan setkan kata laluan

5. PROSES PERMOHONAN KURSUS BAHARU


- i. Pemohon perlu mengikuti langkah-langkah berikut untuk memohon kursus:
 - a) **PENTING:** Pemohon **DIWAJIBKAN** untuk log masuk ke dalam sistem terlebih dahulu sebelum membuat sebarang permohonan. Sekiranya anda klik butang **Mohon Sekarang** tanpa log masuk, sistem akan memaparkan notifikasi ralat (Rujuk Paparan 5.2).
 - b) **Langkah 1: Carian Kursus.** Gunakan fungsi **carian** pada Halaman Utama untuk mencari kursus pilihan (Rujuk Paparan 5.0 & 5.1).
 - c) **Langkah 2: Maklumat Kursus.** Sebelum memohon, boleh semak maklumat kursus, maklumat pengajar, dan maklumat penyelaras yang disediakan. Risalah kursus juga boleh dimuat turun melalui pautan yang disediakan (Rujuk Paparan 5.3).
 - d) **Langkah 3: Penghantaran Permohonan.** Klik butang **Mohon Sekarang** dan kemudian klik butang **Hantar Permohonan** untuk memproses permohonan anda (Rujuk Paparan 5.4).
 - e) **Langkah 4: Pengesahan.** Notifikasi "Permohonan berjaya" akan dipaparkan pada sistem dan salinan pengesahan tawaran kursus akan dihantar melalui e-mel (Rujuk Paparan 5.5 & 5.6).




Paparan 5.0 : Paparan Utama Aplikasi



Paparan 5.1 : Paparan Kursus yang ditawarkan



Paparan 5.2 : Paparan Kursus yang ditawarkan



[LAMAN UTAMA](#)
[Log Masuk](#)
[Daftar Akaun](#)

Fundamental and Principle in Graphic Design

Sinopsis Kursus

This course covers the principles, concepts, and components of graphic design as well as their aspects of form and composition, logos, symbols, pictograms, posters, book covers, advertisements, CD covers, annual reports, web design, and portfolios. In the workshop sessions, graphic design editing and production techniques are also studied using graphic design applications.

Risalah
Mohon Sekarang

Maklumat Kursus

Tempoh	4 minggu
Jumlah Jam	40 jam
Kaedah Pembelajaran	ONLINE DAN KENDIRI
Yuran	RM 210

Hasil Pembelajaran Kursus

CLO	Keterangan
CLO 1	Menerangkan maksud & sejarah rekabentuk grafik, elemen asas grafik dan reka bentuk tipografi (C2,PLO1)
CLO 2	Menghasilkan rekabentuk grafik dengan menggunakan perisian berkaitan . (P3,PLO3)

Penyelaras


MUHAMMAD FARHAN FAUZAN BIN MASAAT
+603 8911 7000 / ext :
farhanfauzan@uis.edu.my

Pengajar

MUHAMMAD FARHAN FAUZAN BIN MASAAT
+603 8911 7000 / ext :
farhanfauzan@uis.edu.my

AHMAD KHALID BIN KAMARUL SAMAN
+603 8911 7000 / ext :
ahmadkhalid@uis.edu.my

Paparan 5.3 : Paparan Maklumat Kursus



Permohonan Kursus

Lengkapkan borang permohonan di bawah untuk memohon kursus.

Nama Penuh

No. Kad Pengenalan

Email

Umur

Jantina

Agama

Bangsa


Warganegara

No. Telefon


Saya bersetuju dengan segala terma, syarat dan [Polisi Privasi](#) & [Perlindungan Data Peribadi](#).

Hantar Permohonan

Paparan 5.4 : Paparan Permohonan Kursus



Paparan 5.5 : Notifikasi Permohonan berjaya





Paparan 5.6 : Notifikasi E-mel Permohonan berjaya


6. PENGURUSAN DASHBOARD DAN STATUS PERMOHONAN

- i. Selepas permohonan dihantar, pemohon perlu mengakses **Dashboard** untuk tindakan susulan dan pemantauan status.
- ii. Berikut adalah fungsi utama dalam Dashboard (Rujuk Paparan 6.0 & 6.1):
 - a) **Semakan Status** - Memaparkan status terkini permohonan (cth: "Berjaya").
 - b) **Muat Naik Pembayaran** - Digunakan untuk memuat naik bukti pembayaran bagi kursus yang telah berjaya dimohon.
 - c) **Penilaian Kursus** - Akses ke modul penilaian setelah kursus selesai diikuti.
 - d) **Sijil & Digital Badge** - Paparan bagi senarai sijil dan lencana digital yang telah dicapai oleh pemohon.


- e) **Kemaskini Profil:** Untuk mengemaskini maklumat peribadi, klik pada **nama pemohon** di bahagian atas skrin dan pilih **dashboard pengguna** .
- f) Anda boleh klik **muat naik gambar** untuk menukar gambar profil dan klik butang **kemaskini** untuk menyimpan sebarang perubahan maklumat (Rujuk Paparan 6.2).



Paparan 6.0 : Paparan Senarai Permohonan




Paparan 6.1 : Paparan Digital Badge Individu



Paparan 6.2 : Paparan Kemaskini profil

7. PAUTAN PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN


- i. Akses ke platform pembelajaran hanya akan diaktifkan setelah status permohonan anda **berdaftar**.
- ii. Klik pada pautan **Pembelajaran** yang muncul pada senarai permohonan di dashboard anda (Rujuk Paparan 7.0).
- iii. Platform pembelajaran ini mengandungi tiga komponen utama:
 - a) **Pautan Pembelajaran Kursus** : Klik pautan ini untuk menyertai sesi pembelajaran secara langsung (Rujuk Paparan 7.1). Akses akaun untuk sesi pembelajaran akan diberikan kepada pemohon yang telah berdaftar.
 - b) **Modul Kuiz** : Klik tab **Kuiz** untuk menjawab soalan-soalan penilaian yang disediakan bagi menguji tahap kefahaman (Rujuk Paparan 7.2 & 7.4).
 - c) **Modul Badge** : Klik tab **Badge** untuk melihat lencana digital yang telah anda perolehi hasil daripada pencapaian dalam kursus (Rujuk Paparan 7.3).




Paparan 7.0 : Paparan Senarai Permohonan




Paparan 7.1 : Paparan Senarai Permohonan



Paparan 7.2 : Paparan Kuiz



Paparan 7.3 : Paparan Badge



Paparan 7.4 : Paparan Soalan Kuiz

8. PENUTUP

Setiap pemohon hendaklah memastikan setiap langkah yang dinyatakan dalam manual ini dipatuhi dengan teliti bagi menjamin kelancaran proses pendaftaran dan pembelajaran. Aplikasi ini direka khusus untuk memudahkan pemohon dalam pengurusan pembelajaran serta memastikan setiap pencapaian pembelajaran direkodkan dengan efisien.